

PENUTUP

Kesimpulan

Cerai ta'liq dan talak pada asasnya adalah sama, perbezaannya hanyalah masa jatuh talak tersebut. Kalau talak akan gugur secara langsung, berbeza dengan cerai ta'liq ia akan gugur bergantung kepada masa pelaksanaan syarat yang disebut dalam lafaz ta'liq. Walau bagaimanapun kedua-duanya tidak digalakkan dalam Islam dan hanya boleh digunakan apabila tiada jalan penyelesaian yang lain.

Tidak terdapat nas yang jelas di dalam al-Qur'an atau al-sunnah yang menjelaskan secara khusus tentang hukum perceraian secara ta'liq sama ada ia diharuskan ataupun tidak. Nas al-Qur'an yang ada menyebut mengenai talak secara umum. Apabila wujud atau berlaku sesuatu peristiwa yang berhubung kait dengan ta'liq, maka ulama perlu berijtihād untuk menentukan hukumnya. Apabila *ijtihād* dijadikan sumber hukum untuk menyelesaikan masalah, maka lahirlah pandangan-pandangan yang berbeza. Ia berubah dari zaman ke zaman mengikut kemampuan *mujtahid* dan keperluan pada masa itu.

Ulama terdahulu di zaman timbulnya fiqh Hanafi, Maliki, Syafi'i dan Hanbali cenderung kepada mengharuskan ta'liq. Namun jika dilihat pada zaman ini khususnya pandangan ulama-ulama *mu'tabar* seperti Syeikh Mahmud Shaltut, Dr. 'Abdul Salam Madkur serta penggubal undang-undang keluarga Islam di beberapa negara Timur Tengah lebih cenderung tidak mengharuskan talak.

Secara ringkasnya lafaz ta'liq terbahagi kepada dua. Iaitu lafaz ta'liq persendirian dan lafaz ta'liq yang ditetapkan oleh undang-undang. Perbezaan pandangan yang berlaku adalah pada lafaz ta'liq yang diperundangkan. Di Malaysia perceraian secara ta'liq telah diperuntukkan dalam undang-undang dan sudah menjadi kebiasaan kepada isteri-isteri untuk menuntut cerai di bawah peruntukan tersebut apabila berhadapan dengan keadaan yang mendesak mereka berbuat demikian.

Namun peruntukan tersebut tidak sama dengan konsep asal ta'liq sepetimana yang dibincangkan oleh *fuqahā'* dalam kitab-kitab fiqh. Konsep asal ta'liq ialah lafaz-lafaz ta'liq oleh suami kepada isteri kerana tujuan tertentu iaitu untuk memberi pengajaran kepada isteri atau memang bertujuan menceraikan isteri secara sopan tanpa sebarang paksaan dari sesiapa. Sebaliknya cerai ta'liq yang ada sekarang adalah terbalik daripada itu. Iaitu suami diarahkan untuk berta'liq selepas akad nikah untuk kepentingan isteri apabila suami gagal menunaikan tanggungjawab. Apabila benar-benar berlaku pelanggaran ta'liq dalam masa perkahwinan isteri berhak menuntut cerai. Ini bermakna seolah-olah kuasa talak dalam hal ini telah beralih kepada isteri. Hal sebegini tidak berlaku dalam ta'liq persendirian. Konsepnya tetap sama dengan konsep asal mengikut syarak tetapi isteri masih berhak menuntut cerai ta'liq di mahkamah sepetimana yang diperuntukkan oleh undang-undang.

Walaupun pada dasarnya tujuan diperuntukkan ta'liq dalam undang-undang adalah untuk menjaga kemaslahatan isteri, namun masih wujud pandangan-pandangan yang menganggap tujuan tersebut masih gagal dicapai

kerana kelemahan-kelemahan tertentu seperti kelewatan perbicaraan dan keputusan'kes di mahkamah, kerumitan proses pensabitan kes dan sebagainya. Ini akan membebankan isteri dan apabila benar-benar berlaku perceraian akan menambahkan lagi kesengsaraan bagi sesetengah isteri.

3

Ekoran daripada itu timbulnya pandangan-pandangan dikalangan ulama zaman ini yang menganggap peraturan melafaz ta'liq yang wujud dalam peruntukan di negara ini tidak wajar dilaksanakan kerana telah terpesong dari kehendak asal syarak. Antara alasannya adalah kerana ianya mengandungi unsur-unsur paksaan terhadap suami, terdapatnya isi kandungan ta'liq yang tidak menepati syariat serta tujuan untuk menjaga kemaslahatan isteri tidak terlaksana sepenuhnya.¹

Beberapa penulisan di kalangan cendikiawan Islam di negara ini pernah berpendapat bahawa pelaksanaan undang-undang cerai ta'liq tidak wajar kerana terdapat banyak kekurangan dan kelemahan.² Namun, ulama-ulama kebelakangan ini lebih memandang peraturan ta'liq yang berlaku dalam sistem perundungan Islam di negara ini secara positif. Mereka menganggap ia tidak bertentangan dengan hukum syarak dan diharuskan bagi mengelak berlaku perceraian dan memberi peringatan kepada suami agar tidak mempermain-mainkan talak dan menyedari tanggungjawab terhadap isteri.³

Sighah ta'liq yang dilafazkan juga bukan suatu paksaan kepada suami. Sekiranya si suami enggan berlafaz ta'liq ianya tidaklah menjadi suatu kesalahan dan ianya diperakui oleh semua imam mazhab. Malahan sekiranya ia dilafazkan

juga, ia juga tidak menjadi suatu kesalahan dari segi syarak kerana ia merupakan satu alternatif ke arah perceraian. Malah tidak kurang yang menganggap *sighah* ta'liq ini seolah-olah memberi jalan atau senjata yang tajam kepada suami isteri untuk bercerai.⁴

3

Walaupun pandangan tentang ketidakwajaran pelaksanaan undang-undang ta'liq, namun tidak dinafikan ada kebaikannya. Terutama untuk mengelak dari berlaku penganiayaan suami terhadap isteri. Peruntukan undang-undang yang bertujuan untuk membela wanita diperlukan dalam suasana sekarang kerana komitmen masyarakat terhadap agama agak tipis. Oleh itu undang-undang boleh diguna untuk menjaga kemaslahatan wanita. Dalam hal ini tidak timbul persoalan penyalahgunaan lafaz ta'liq kerana mahkamah tidak akan menjatuhkan talak terhadap seseorang tanpa menjalankan siasatan.⁵

Peruntukan ta'liq dalam undang-undang yang ada sekarang tetap diperlukan pada masa hadapan. Kelambatan proses perceraian bukan pada kes cerai ta'liq atau kerana peruntukan cerai itu. Kelewatan dalam proses pensabitan kes di mahkamah bukan sahaja berpunca dari masalah kurang kakitangan seperti hakim dan peguam tetapi berpunca daripada individu yang membuat tuntutan.⁶

Suatu kemungkinan yang akan berlaku di sebalik kemungkinan berlakunya pemansuhan undang-undang cerai ta'liq adalah perubahan dalam banyak perkara. Antaranya bagi isteri-isteri yang menghadapi bebanan-bebanan sepetimana yang dilafazkan oleh suami iaitu suami tidak memberi nafkah dan sebagainya tidak lagi dapat membuat tuntutan cerai ta'liq. Tuntutan cerai biasa

sememangnya tidak boleh dituntut oleh isteri kerana dilarang oleh syarak. Pilihan lain adalah tuntutan fasakh. Ini akan lebih membebankan isteri kerana tuntutan fasakh lebih sukar disabitkan berbanding dengan tuntutan ta'liq. Maka matlamat menjaga kemaslahatan isteri tidak terlaksana lansung. Akibatnya akan timbul permasalahan sosial yang lain. Oleh kerana itu penulis melihat peraturan undang-undang sebegini secara positif dan wajar diteruskan disamping perlunya satu usaha ke arah menyelaraskannya agar lebih menepati kehendak syariat.

Secara ringkasnya penulis merumuskan bahawa peruntukan cerai ta'liq dalam undang-undang lebih cenderung kepada kebaikan walaupun matlamat menjaga kemaslahatan isteri masih dipersoalkan. Ia banyak membantu membela nasib wanita kerana isi kandungan ta'liq itu sendiri memang perkara-perkara yang dilarang oleh syariat seperti tidak memberi nafkah dan memudaratkan isteri. Kelemahan dan kekurangan yang dipertikaikan bukan berpunca dari peruntukan tersebut tetapi lebih kepada aspek-aspek lain yang boleh diperkemaskan dan diambil berat. Contohnya aspek sampingan dalam proses pensabitan kes di mahkamah seperti kesukaran mengesan alamat YKT, masalah-masalah individu yang berkenaan dan sikap pasangan yang berkahwin tidak mengambil berat hak-hak dan tanggungjawab masing-masing selepas berkahwin.

Kajian dan pemerhatian penulis mendapati banyak tanggapan yang mengatakan bahawa ucapan ta'liq dalam upacara akad nikah adalah suatu paksaan terhadap suami. Dalam Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Kelantan dan beberapa negeri tidak ada peruntukan yang menunjukkan dengan jelas mewajibkan atau berbentuk memaksa suami melafazkan ta'liq. Paksaan

seperti ini hanya wujud secara adat kerana kebanyakan suami berada dalam keadaan sukar untuk menolak dari berta'liq dalam majlis akad nikah yang dihadiri oleh ramai orang. Imam yang menikahkan pula hanya menjalankan tugas untuk mengarahkan suami berta'liq.

3

Walaubagaimanapun persoalan paksaan atau kerelaan tidak akan timbul jika pasangan yang ingin berkahwin memahami hak masing-masing. Jika isteri memberi keizinan suami boléh mengabaikan arahan berta'liq dan isteri menginginkan suami melakukan demikian maka seharusnya suami mengikut saja. Jika masing-masing menyedari hak masing-masing persoalan paksaan tidak timbul. Ini kerana syarat-syarat ta'liq tersebut walaupun nampak scolah-olah mengikat suami, namun jika suami memahami dan melaksanakan tanggungjawab perceraian ta'liq tidak akan berlaku.⁷

Walaupun di Kelantan tidak ada peruntukan yang memaksa suami melafazkan ta'liq. Namun keadaan sedemikian jarang berlaku kerana sudah menjadi kelaziman dalam setiap majlis perkahwinan imam yang menikahkan pasangan akan meminta pengantin lelaki melafazkan ta'liq. Oleh kerana dalam majlis akad nikah disaksikan oleh ramai saudara mara sudah tentu sukar bagi pengantin lelaki untuk menolak dari berta'liq. Ini menyebabkan adanya kemungkinan suami melafaz ta'liq tanpa rela hati sebaliknya menurut arahan sebagai melengkapkan upacara akad nikah.

Masalah kelewatan proses perbicaraan kes-kes cerai ta'liq akan menambahkan tekanan kepada isteri. Kenyataan ini pernah dinafikan oleh Hakim Mahkamah Rendah Syariah Kota Bharu, Ustaz Wan Yahya.⁸ Kelewatan perbicaraan bagi kes-kes crai ta'liq jarang berlaku di Mahkamah Syariah Kota Bharu, namun tidak dinafikan kemungkinan berlaku di negeri-negeri lain. Sekiranya sesuatu kes itu cukup keterangannya ia akan dapat diputuskan dengan mudah dan cepat. Kelewatan yang berlaku bukan disengajakan oleh mahkamah dengan harapan pasangan berkenaan akan berbaik semula. Penangguhan perbicaraan kes berlaku disebabkan masalah teknikal yang lain seperti ketidakhadiran YKT, Kegagalan mengemukakan keterangan dan saksi atau keterangan saksi bercanggah dengan keterangan YM dan scumpamanya.

Secara umumnya prosedur perceraian ta'liq harus melalui tiga peringkat iaitu; Pertama prosedur sebelum perbicaraan mulai dari pendaftaran kes hingga kehadiran pihak-pihak YM dan YKT bersama beban pembuktian masing-masing. Kedua prosedur semasa perbicaraan iaitu pemeriksaan hakim terhadap keterangan dan beban bukti yang dibawa. Ketiga prosedur selepas perbicaraan iaitu pensabitan kes dan mengeluarkan dokumen-dokumen perceraian seperti sijil cerai kepada pihak-pihak yang terbabit.

Tuntutan pengesahan cerai ta'liq yang dituntut di Mahkamah Syariah Kota Bharu perlu melalui prosedur tertentu. Walaupun dalam peruntukan seksyen 37(1)(2) menyebut "apabila isteri mengadu kepada mahkamah," tidak bererti talak terus jatuh. Hukum perceraian akan berkuatkuasa apabila mahkamah mensabitkan ianya jatuh. Kecuali dalam kes ta'liq lisan atau ta'liq persendirian. Ia tidak

berkaitan dengan peruntukan tersebut. Tidak semua kes yang didaftarkan dapat disabitkan dengan mudah. Mahkamah kadang kala terpaksa menghadapi masalah. Antaranya dari pihak individu seperti masalah ketidakhadiran suami atau saksi, suami yang menghilangkan diri atau tidak dapat dikesan alamatnya dan sebagainya. Adakalanya masalah kerumitan untuk mensabitkan kes seperti apabila berlaku percanggahan keterangan saksi, atau suami sendiri membuat dakwaan bahawa isterinya telah berlaku nusyuz. Kesemua ini akan melambatkan dan menyukarkan proses pensabitan kes kerana berlaku penangguhan kes dan kelewatan keputusan kes. Sebaliknya jika tidak berlaku masalah sedemikian kes dapat dibicarakan dengan cepat dan tuntutan dapat disahkan oleh hakim dengan mudah.

Terdapat beberapa kekeliruan di antara aspek hukum syarak dan undang-undang dalam pensabitan isteri nusyuz sama ada jatuh atau tidak talak sekiranya suami tidak memberi nafkah kepada isterinya atas dasar nusyuz tersebut.⁹ Demikian juga sekiranya seseorang suami yang tidak berkemampuan dalam memberi nafkah adakah gugur juga talaknya.¹⁰

Setiap negeri di Malaysia mempunyai lafaz-lafaz ta'liq yang tersendiri. Syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq tersebut berbeza antara satu sama lain. Ada yang memasukkan satu syarat sahaja dan ada yang mengandungi lima atau enam perkara. Syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq negeri Kelantan adalah meninggalkan isteri lebih dari empat bulan, tidak memberi nafkah, menyakiti tubuh badan isteri dan tidak memperdulikan isteri. Perbezaan syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq kebanyakan negeri ini

berkaitan dengan peruntukan tersebut. Tidak semua kes yang didaftarkan dapat disabitkan dengan mudah. Mahkamah kadang kala terpaksa menghadapi masalah. Antaranya dari pihak individu seperti masalah ketidakhadiran suami atau saksi, suami yang menghilangkan diri atau tidak dapat dikesan alamatnya dan sebagainya. Adakah masalah kerumitan untuk mensabitkan kes seperti apabila berlaku percanggahan keterangan saksi, atau suami sendiri membuat dakwaan bahawa isterinya telah berlaku nusyuz. Kesemua ini akan melambatkan dan menyukarkan proses pensabitan kes kerana berlaku penangguhan kes dan kelewatan keputusan kes. Sebaliknya jika tidak berlaku masalah sedemikian kes dapat dibicarakan dengan cepat dan tuntutan dapat disahkan oleh hakim dengan mudah.

Terdapat beberapa kekeliruan di antara aspek hukum syarak dan undang-undang dalam pensabitan isteri nusyuz sama ada jatuh atau tidak talak sekiranya suami tidak memberi nafkah kepada isterinya atas dasar nusyuz tersebut.⁹ Demikian juga sekiranya seseorang suami yang tidak berkemampuan dalam memberi nafkah adakah gugur juga talaknya.¹⁰

Setiap negeri di Malaysia mempunyai lafaz-lafaz ta'liq yang tersendiri. Syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq tersebut berbeza antara satu sama lain. Ada yang memasukkan satu syarat sahaja dan ada yang mengandungi lima atau enam perkara. Syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq negeti Kelantan adalah meninggalkan isteri lebih dari empat bulan, tidak memberi nafkah, menyakiti tubuh badan isteri dan tidak memperdulikan isteri. Perbezaan syarat-syarat yang terkandung dalam lafaz ta'liq kebanyakan negeri ini

menampakkan satu kelemahan dalam sistem perundangan khususnya sistem undang-undang keluarga Islam kebanyakan negeri.

Selain daripada kelemahan tersebut beberapa syarat dalam kandungan ta'liq masih boleh dipersoalkan. Antaranya, memasukkan syarat ta'liq yang bertentangan dengan hukum syarak iaitu rujuk tanpa izin isteri, ketidakseragaman tempoh masa meninggalkan isteri dan masalah sama ada gugur talak satu atau talak khul'i. Kelemahan-kelemahan tersebut perlu dikaji dan diseragamkan agar memudahkan proses perbicaraan di Mahkamah bagi pasangan yang berkahwin di negeri lain dan menetap di negeri lain.

Matlamat utama diperuntukkan syarat-syarat ta'liq sedemikian adalah bertujuan menjaga kemaslahatan isteri dan keutuhan sistem kekeluargaan umumnya. Walaupun banyak pihak telah mempersoalkan kelemahan dan kekurangan dalam pengutusan undang-undang ta'liq sama ada dari segi peraturan melafazkan ta'liq semasa akad nikah yang memaksa atau kelewatan proses perbicaraan. Ini tidaklah bermakna matlamat menjaga kemaslahatan isteri langsung tidak terlaksana. Syarat-syarat ta'liq yang dibaca oleh suami sememangnya dilarang oleh syarak. Tidak akan timbul soal paksaan terhadap ta'liq sekiranya suami isteri benar-benar faham kandungannya dan memahami tanggungjawab masing-masing. Jika kesedaran ini telah ada secara langsung akan mengurangkan kadar perceraian dan mengukuhkan sistem kekeluargaan dalam masyarakat.

Selain dari tuntutan cerai secara ta'liq, sebagai alternatif isteri boleh menuntut fasakh. Ini kerana perkara-perkara yang dita'liqkan oleh suami telah diperuntukkan dengan jelas untuk isteri memohon fasakh. Contohnya dalam seksyen 38 , EKINK tahun 1983, (Pindaan, seksyen 53 (1) Enakmen no. 6 tahun 2002). Walaupun begitu dari segi proses pensabitan hukum, peruntukan cerai ta'liq lebih mudah disabitkan berbanding dengan fasakh. Ini kerana peranan hakim hanya mengesahkan perkara yang dita'liqkan sama ada ia benar berlaku atau tidak dan bukan untuk menimbangkan sama ada ia wajar atau tidak.

Daripada data-data yang diperolehi menunjukkan jumlah tuntutan cerai ta'liq di seluruh jajahan di Kelantan jauh lebih banyak berbanding dengan tuntutan fasakh. Ini boleh diambil kira sebagai bukti tuntutan cerai ta'liq lebih mudah disabitkan berbanding tuntutan fasakh. Ini juga sebagai bukti bahawa cerai ta'liq adalah jalan keluar yang mudah bagi isteri-isteri yang menghadapi tekanan akibat sikap suami yang tidak bertanggungjawab. Jika peruntukan ini dihapuskan mungkin sukar bagi isteri untuk keluar dari cengkaman kesengsaraan hidup berumahtangga.

Secara keseluruhan dalam tempoh lima tahun terakhir mulai 1996 hingga 2001, membuktikan berlaku peningkatan terhadap jumlah tuntutan cerai termasuk tuntutan cerai ta'liq . Walaupun berlaku peningkatan, tidak bererti meningkat dari setahun ke setahun. Ini kerana dalam tempoh lima tahun tersebut adakalanya meningkat dan adakalanya menurun, cuma tahun terakhir iaitu 2001 memang meningkat berbanding tahun sebelumnya. Tetapi bagi kes-kes fasakh menunjukkan jumlah yang sedikit dan tidak berlaku peningkatan. Apa yang dapat

dilihat tuntutan ta'liq tinggal adalah jumlah terbanyak berbanding kes-kes lain sepanjang tahun. Ini menunjukkan sama ada kes ini mudah disabitkan atau memang banyak berlaku kes suami meninggalkan isteri.

3

Cadangan

1. Penerangan dan pendedahan tentang lafaz ta'liq yang akan dibaca oleh bakal suami harus disampaikan kepada pasangan suami isteri dalam majlis akad nikah. Penerangan ini perlu diberi sebelum akad nikah agar suami faham tentang implikasi ta'liq tersebut kepada ikatan perkahwinan. Para imam dan pendaftar nikah adalah orang yang terlibat secara langsung dalam hal ini hendaklah memainkan peranan untuk mencapai tujuan tersebut. Ini kerana kebanyakan pihak suami tidak menghayati betul-betul isi kandungan ta'liq dan adakalanya suami terlupa lafaz ta'liq yang pernah dibacanya.
2. Pengantin perempuan juga seharusnya ada bersama di majlis akad nikah untuk mendengar lafaz ta'liq yang diucapkan oleh pengantin lelaki. Ini penting agar pihak isteri mengetahui hak mereka apabila berlaku perkara-perkara yang tidak sepatutnya yang melanggar ta'liq tersebut. Kebanyakan isteri tidak mengambil berat apa yang terkandung di belakang surat nikah, sebaliknya mereka hanya menyimpan surat nikah tersebut.

3. Pihak Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Kelantan (JAHEAIK) juga harus memainkan peranan ini dengan menekankan tentang konsep ta'liq dan kesannya terhadap ikatan perkahwinan dalam setiap sesi kursus perkahwinan yang dianjurkan. Kefahaman ini perlu bagi menjamin kebahagiaan rumah tangga disamping sebagai satu usaha untuk mengelakkan perceraian.
4. Hakim dan pihak Biro Bantuan Guaman atau peguam syarie yang mewakili isteri hendaklah membuat penyiasatan yang benar-benar teliti terhadap tuntutan cerai ta'liq supaya keputusan yang akan disabitkan benar-benar memberi pembelaan terhadap kaum isteri dan memenuhi matlamat peruntukan cerai ta'liq seperitimana yang termaktub dalam seksyen 37 (1) dan (2), {Pindaan tahun 2002, seksyen 50 (1) dan (2)}.
5. Suatu usaha ke arah penyelarasan lafaz-lafaz ta'liq antara negeri-negeri seluruh Malaysia amat perlu dilakukan. Ini kerana lafaz-lafaz ta'liq yang ada sekarang menampakkan kecelaruan dalam sistem undang-undang kekeluargaan kebanyakan negeri. Lafaz-lafaz ta'liq tersebut seharusnya diseragamkan dari segi bilangan dan kualitinya dibawah peruntukan baru yang lebih komprehensif. Keseragaman lafaz ta'liq akan memudahkan mahkamah membicarakan kes-kes yang membabitkan pasangan yang berkahwin di negeri lain dan menetap pula di negeri lain.
6. Unsur-unsur paksaan terhadap suami dalam melafazkan ta'liq selepas upacara akad nikah harus dielakkan agar lebih menepati kehendak syarak. Ini bermakna jika ada di kalangan suami yang enggan berta'liq hendaklah

dibenarkan dan tidak boleh dipaksa sama ada paksaan secara psikologi atau adat. Seksyen 21(6) Undang-undang Keluarga Islam Kelantan 1983 umpsamanya, boleh dijadikan panduan kerana tidak mengandungi unsur-unsur sedemikian. Keseragaman peruntukan undang-undang dalam hal ini juga perlu.

7. Isteri-isteri yang menghadapi tekanan akibat penganiayaan oleh suami digalakkan menyaman atau mendakwa suami mereka mengikut seksyen 108 Enakmen Keluarga Islam Negeri Kelantan 1983, (Pindaan tahun 2002, seksyen 128), yang boleh menyebabkan suami dikenakan hukuman denda tidak lebih seribu ringgit, penjara tidak lebih setahun atau kedua-duanya sekali. Hukuman ini akan dapat memberi kesedaran dan pengajaran kepada suami yang tidak bertanggungjawab khasnya, dan masyarakat amnya. Secara tidak langsung juga akan mengurangkan kadar penderaan suami terhadap isteri.
8. Sebagai suatu langkah penyelesaian kepada sebilangan suami yang menganggap ringan dengan lafaz ta'liq dan mengambil mudah dengan melafazkan ta'liq persendirian sesuka hati, haruslah dikenakan hukuman sebagai pengajaran. Cadangan hukuman yang sama dengan perceraian di luar mahkamah sesuai dikenakan sebagaimana terkandung dalam seksyen 125, Enakmen Undang-undang Keluarga Islam Negeri Kelantan, tahun 2002.
9. Pihak pertubuhan wanita yang sering memperjuangkan nasib wanita perlu membuat gerakan untuk memberi kefahaman dan kesedaran kepada wanita

tentang hak mereka dari segi undang-undang terutamanya untuk menggunakan peruntukan-peruntukan dalam enakmen keluarga Islam setiap negeri seperti hak menuntut cerai ta'liq dan fasakh agar tidak teranaya oleh suami yang tidak bertanggungjawab.

*

¹ Di antara meraka yang pernah mencadangkan agar dimansuhkan undang-undang ta'liq dan diganti dengan peruntukan undang-undang yang lain adalah Harun Din (1990), *Ta'liq Talak: Antara Hukum Fiqh Dan Hukum Kanun*, C.I., Kuala Lumpur: Percetakan Watan Sdn Bhd. h.147.

² Kenyataan sebegini pernah juga dikemukakan oleh beberapa tokoh. Lihat Prof Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Raihanah Azhari (1989), *Undang-undang Kehuarga Islam Konsep Dan Pelaksanaannya Di Malaysia*, C.I., Kuala Lumpur: Percetakan FS Sdn. Bhd. h.144. Dalam satu temubual yang lain Prof. Datuk mengatakan bahawa peruntukan cerai secara fasakh memadai bagi wanita. Namun untuk memansuhkan peruntukan tersebut agak sukar. Ini kerana ia adalah hak wanita yang diperjuangkan dan dipertahankan dan tidak mungkin dimansuhkan kecuali kaum wanita sendiri yang memansuhkannya. Lihat *Majalah Al-Islam*, Julai 2000, h.20.

³ Antara yang berpandangan sedemikian adalah Hakim Bicara Mahkamah Rendah Syariah Wilayah Persekutuan Abu Bakar Ahmad, Peguam Syarie Dr. Salleh Buang dan Bekas Mufti negeri Selangor Datuk Ishak Baharum. Lihat *Majalah Al-Islam*, Julai 1996, h.16.

⁴ Temubual pada 2.10.2003, di mana Ketua Hakim Syarie Kelantan juga menganggap peuntukan ta'liq yang sedia ada di negeri Kelantan ini masih selari dan sesuai dengan hukum syarak lebih-lebih lagi dalam sesetengah keadaan yang menyebabkan berlakunya penganiayaan terhadap isteri.

⁵ Ini diakui oleh Prof Datuk Dr. Mahmood Zuhdi, *Majalah Al-Islam*, Julai, h.12. Pandangan ini juga dipersetujui oleh Tn. Hj. Muhammad Lutpi b. Hj. Nor. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Kota Bharu dalam temubual dengannya pada 3/2/2002 serta Mufti Negeri Kelantan Dato' Hj. Hasbullah bin Hj. Hasan pada 4.9.2003.

⁶ Ustazah Raihanah Hj. Abdullah, Peguam Syarie dan pensyarah Jabatan Syariah dan undang-undang Akedemi Pengajian Islam Universiti Malaya pernah mengemukakan pandangan sedemikian. *Majalah Al-Islam*, Julai 2000, h.25.

⁷ Contoh dapat dilihat pada apa yang berlaku pada pasangan Prof. Datuk Dr. Mahmood Zuhdi Abdul Majid dan Isterinya. Beliau memilih untuk tidak berta'liq. *Majalah Al-Islam*, Julai 1996, h.12.

⁸ Temubual pada 31 Mei 2001.

⁹ Kenyataan Mufti negeri Kelantan bahawa setiap kes ta'liq hanya boleh disabitkan setelah aduan dibuat di hadapan hakim dan ianya adalah sabit di sisi hakim. Jika sebaliknya perkahwinan tersebut masih berlangsung.

¹⁰ Ketua Hakim Syarie dalam menyatakan pandangannya bahawa kes seperti ini adalah gugur juga talaknya tetapi ia bergantung kepada beberapa keadaan terutamanya yang menunjukkan kadar kemampuan seseorang suami.